

**Kembara Kebajikan 1Malaysia Bakal Jadi Acara Dwitahunan
Bernama
29 Apr, 2014**

SRI AMAN, 29 April (Bernama) -- Kenterian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat bercadang menjadikan Program Kembara Kebajikan 1Malaysia Family Care sebagai acara dwitahunan bermula 2016.

Menteri berkenaan Datuk Seri Rohani Karim hari ini berkata program itu, yang dimulakan sejak 5 April lepas di Parlimen Pagoh di Johor untuk mencari sukarelawan kebajikan, mendapat sambutan yang positif dalam kalangan rakyat.

"Saya sendiri akan memaklumkan cadangan ini kepada Perdana Menteri (Datuk Seri Najib Tun Razak) sebelum dibentangkan pada mesyuarat Kabinet dalam masa terdekat ini," katanya kepada pemberita selepas menutup program itu di sini.

Program itu, yang menjelajah ke 22 lokasi di seluruh negara dan melibatkan perjalanan sejauh 3,647 km, berjaya mendaftarkan seramai 451 orang sukarelawan kebajikan baharu.

"Berdasarkan sambutan ini dan komitmen yang ditunjukkan oleh warga JKM (Jabatan Kebajikan Masyarakat), saya yakin sasaran kita untuk mendaftarkan 2,500 sukarelawan baharu tahun ini dapat dicapai," katanya.

-- BERNAMA

Copyright © 2014 BERNAMA

Source: <http://www.bernama.com/bernama/v7/bm/newsindex.php?id=1034490>